

Praktis 7

Soalan 1 hingga Soalan 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 1 Apakah maksud peribahasa kalau ikut hati mati, kalau ikut rasa binasa?
 - A Jangan ikutkan perasaan, kelak membawa padah.
 - B Sesuatu perkara yang sering menyusahkan orang lain.
 - C Tidak ada sesuatu perkara yang benar-benar sempurna.
 - D Mengharapkan orang yang dipercayai tetapi dia membinasakan.
- 2 Hubungan persahabatan antara Majdi dengan Chee Weng sangat akrab. Mereka telah berkawan sejak kecil lagi dan belajar di kelas yang sama. Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan persahabatan mereka ialah
 - A bagai isi dengan kuku.
 - B bagai pinang dibelah dua.
 - C seikat bak sirih, serumpun bak serai.
 - D bagaimana gendang begitulah tarinya.


- 3 Hisyam berasa amat kecewa setelah mengetahui dia gagal dalam peperiksaan. Perasaan Hisyam boleh diibaratkan
 - A seperti kaca terhempas ke batu.
 - B seperti hujan jatuh ke pasir.
 - C seperti api di dalam sekam.
 - D seperti abu di atas tunggul.

Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran


- 4 Peribahasa di atas bermaksud
 - A keuntungan yang diharapkan tak didapati, sedangkan yang telah ada hilang pula.
 - B melakukan sesuatu hendaklah mengikut keupayaan diri.
 - C melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah berhati-hati.
 - D sesuatu perkara yang sering menyusahkan orang lain.
- 5 Orang yang takut untuk bergaul mesra dengan orang lain diumpamakan seperti
 - A kera sumbang.
 - B ayam berak kapur.
 - C anjing buruk kepala.
 - D katak di bawah tempurung.

Praktis 8

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, tulis **sat** peribahasa yang sesuai.



(i) _____



(ii) _____